

03/09/1997

(Laporan BSKL)

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kebanyakannya ditutup lebih tinggi apabila sentimen yang dirangsang oleh sokongan institusi tempatan, tidak terjejas oleh tekanan jualan daripada pelabur asing.

Bagaimanapun, Indeks Komposit yang mengukur 100 saham bermodal besar, ditutup susut 8.67 mata pada 795.73, iaitu tinggi sedikit daripada tahap terendahnya 787.54 sebelum itu. Ia melonjak ke tahap tertinggi 840.42 pagi semalam.

Indeks Perusahaan jatuh 8.79 mata kepada 1,610.44, manakala Indeks Emas meningkat 0.45 mata pada 219.93 dan indeks Papan Kedua naik 11.22 mata kepada 384.96.

Saham naik melebihi saham jatuh dengan jumlah 578 berbanding 163 manakala 72 kaunter tidak berubah dan 72 yang lain tidak diniagakan.

Jumlah dagangan Papan Utama mengecil sedikit kepada 374.050 juta saham bernilai RM1.370 bilion daripada 498.269 juta saham bernilai RM1.754 bilion sebelumnya.

Di Papan Kedua, jumlah dagangan bertambah kepada 51.135 juta saham bernilai RM409.149 juta daripada 47.399 juta saham bernilai 296.216 juta pada Jumaat lalu.

Urus niaga luar pasaran berjumlah 59.854 juta saham bernilai RM181.095 juta berbanding 37.563 juta saham bernilai RM173.680 juta saham.

Peniaga berkata, pasaran dibuka dengan kukuh kerana sentimen dirangsang oleh seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar dana tempatan menguasai pasaran dalam usaha mengusir keluar manipulator saham yang menyebabkan pasaran jatuh.

Dengan sokongan sederhana daripada institusi tempatan pada sesi pagi, harga saham melonjak apabila pelabur runcit mula membeli saham yang harganya kelihatan menarik berikutan kegiatan jualan, kata peniaga.

Bagaimanapun, kenaikan dikurangkan tekanan jualan saham mewah dari seberang laut apabila pasaran Eropah dibuka, dan juga permintaan menampung margin oleh broker saham.

Seorang penganalisis berkata, sebahagian tekanan itu diserap oleh dana tempatan, yang penyertaannya adalah untuk menampai sebarang kejatuhan akibat kegiatan jualan oleh pelabur asing dan runcit.

Antara saham cergas, konglomerat Renong meningkat 20 sen kepada RM3.20, Malaysian Resources naik 22 sen kepada RM2.57 dan Chase Perdana yang disenaraikan di Papan Kedua menambah 15 sen kepada RM6.55.

Barangan pengguna menyumbang 19.240 juta saham yang diniagakan, barangan perusahaan 35.083 juta, pembinaan 40.822 juta, dagangan/perkhidmatan 114.139 juta, prasarana 4.022 juta, kewangan 65.781 juta, hotel 1.570 juta, hartanah 41.544 juta, perladangan 10.627 juta, perlombongan 2.101 juta, amanah 824,000, dana tertutup 309,000 dan stok pinjaman 37.986 juta.

- Bernama

(END)